



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG/ KELAYAKAN	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN/ TAKLIMAT TAPAK	TARIKH & MASA SEBUT HARGA DITUTUP
<p>NO SEBUT HARGA S0028/25</p> <p>FAIL RUJUKAN F6/13/1/1/25</p> <p>TAJUK KONTRAK MENYELENGGARA JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DIZON A SEKITAR KAWASAN MAJLIS BANDARAYA IPOH BAGI TAHUN 2025.</p> <p>Sebut Harga Yang Lewat Tidak akan Diterima.</p>	<p>(BUMIPUTERA) GRED G2</p> <p>KATEGORI CE</p> <p>PENGKHUSUSAN : CE21 @ CE32</p>	<p>TARIKH IKLAN 21 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)</p> <p>TARIKH JUAL 21 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)</p> <p>TARIKH AKHIR PEMBELIAN 27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM</p> <p>HARGA DOKUMEN RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my</p>	<p>TIDAK BERKENAAN</p>	<p>TARIKH 28 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)</p> <p>MASA 12:00 TENGAHARI</p> <p>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN PETI TENDER / SEBUTHARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>
<p>JIKA TERDAPAT LAWATAN/TAKLIMAT TAPAK</p> <ul style="list-style-type: none">HANYA PENAMA DI DALAM LESEN SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN/TAKLIMAT TAPAK.SEMUA Penyebut harga DIKEHENDAKI MEMBAWA COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN/TAKLIMAT TAPAK.HANYA Penyebut harga YANG HADIR LAWATAN/TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTA DAN MEMBELI Sebut Harga INI.				

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen Sebut Harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen Sebut Harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan/ didokumentasikan. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. Proses pembelian dokumen Sebut Harga dan memuat turun dokumen akan DITUTUP pada 27 Februari 2025 (Khamis) jam 12.00 tengah malam. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.

3. Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat Dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) 3 bulan sebelum tamat tempoh dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB 60 hari sebelum tamat tempoh dan ianya dikira dari tarikh iklan bermula.

5. Surat kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah TIDAK DIBENARKAN.

6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang tunggakan (cukai taksiran/kompaun/sewaan/semak-samun/pelbagai tunggakan lain) dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.

7. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul berlakri, ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada Datuk Bandar, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebut Harga di TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH.

8. Bandaraya Ipoh tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Sebut Harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah tidak dilayan.

SURIANI BINTI ISMAIL
PENGARAH UKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH